

BULETIN KPKT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BIL 1/2015



Terima Kasih Dato' Seri Arpah, Tahniah Datuk Mohammad!



PASCA BANJIR
PANTAI TIMUR

Muka surat 12 & 13



SAMBUTAN HARI
BOMBA SEDUNIA

Muka surat 22



SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua Editor

Norhayati Abd Manaf
Ketua Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Editor

Rosyila Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam

Noraidah Mohd Noor
Penolong Pegawai Perhubungan Awam

Sidang Pengarang

Jabatan Perumahan Negara
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Jabatan Landskap Negara
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
Solid Waste Corporation Malaysia
Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata
Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Bahagian Kesejahteraan Bandar
Bahagian Undang-Undang
Bahagian Dasar & Inspektorat
Bahagian Kewangan & Perolehan
Bahagian Akaun
Bahagian Pembangunan & Pelaksanaan Projek
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Keurusetiaan Strategik & Hubungan Antarabangsa
Bahagian Pemberi Pinjam Wang & Pemegang Pajak Gada
Bahagian Sumber Manusia
Bahagian Teknologi Maklumat
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Unit Audit Dalam
Unit KPI
Unit Integriti

Fotografi

Ahmad Marzuki Othman

Penerbit

Unit Komunikasi Korporat

Editor Buletin KPKT amat menghargai sumbangan artikel daripada
warga KPKT. Artikel berkenaan hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 2, No. 51 Persiaran Perdana,

Presint 4, 62100 Putrajaya

Tel : (603) 8891 5556

Faks : (603) 8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

Portal : www.kpkt.gov.my

Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov

Tinta Pena



Sidang Redaksi

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia kepada para pembaca khususnya warga KPKT.

Tahun 2014 telah kita tinggalkan dengan pelbagai kisah suka dan duka dan diharapkan 2015 menjadi tahun yang lebih baik buat Malaysia amnya dan KPKT khususnya.

Memetik ucapan YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa Majlis Amanat Tahun 2015, beliau berhasrat untuk menjadikan KPKT sebagai Kementerian yang terbaik dalam aspek pentadbiran, tatasusila, dan perkhidmatan kepada rakyat. Bagi merealisasikan harapan tersebut, beliau menyeru keluarga besar KPKT bersatu dalam persamaan dan perbezaan serta *do not work in silos* dan mengenyahkan kepentingan peribadi dan agenda tersendiri yang tiada kena-mengena dengan rakyat. Selain itu, YB Menteri juga menekankan kepentingan menzahirkan rasa belas kasihan dan perikemanusiaan (*compassion*), penerapan tata kelola yang baik (*good governance*), penghasilan idea dan kreativiti, sifat kepimpinan dan integriti dalam diri tiap warga KPKT.

Dikesempatan ini, Sidang Redaksi Buletin KPKT ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak selaku Penasihat Sidang Redaksi Buletin KPKT yang telah bersara pada 26 Mei 2015. Untuk makluman para pembaca, keluaran Buletin KPKT kali ini merupakan keluaran akhir di bawah seliaan YBhg. Dato' Seri Arpah dan memuatkan program dan aktiviti KPKT dari Januari hingga Mei 2015.

Kami juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek selaku Ketua Setiausaha KPKT dan Penasihat Sidang Redaksi Buletin KPKT yang baharu.

Salam perpisahan kepada YBhg. Datuk Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KPKT yang telah bersara pada 2 Mac 2015. Salam perpisahan juga buat YBhg. Dato' Azizan Bin Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT yang telah bertukar ke Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) berkuatkuasa mulai 16 Februari 2015.

Tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah yang kini menyandang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KPKT. Tahniah juga diucapkan kepada Yang Berusaha Puan Nor Inchun Binti Mohamed Salleh atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT pada 27 Mei 2015.

Di bawah kepimpinan barisan Pengurusan Tertinggi KPKT yang baharu, kami berharap KPKT akan terus cemerlang, mencipta lebih banyak kejayaan dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan untuk kesejahteraan rakyat

Sidang Redaksi

Buletin KPKT Bil 1/2015

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan



YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri telah merasmikan Majlis Pelancaran Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) peringkat Kebangsaan pada 29 Mei 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Berdasarkan kepada keperluan bagi mewujudkan struktur formal di bandar yang disertai oleh masyarakat tempatan, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 16 Oktober 2013 telah bersetuju dengan penubuhan JPP dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Tiada pertindihan antara peranan JPP dan Ahli Majlis PBT, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) ataupun pertubuhan/ persatuan yang bergerak aktif di kawasan PBT seperti Rukun Tetangga, Persatuan Belia, Jawatankuasa Masjid dan pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan lain. Peranan dan fungsi yang akan dimainkan oleh JPP nanti adalah pelengkap (*compliment*) kepada pertubuhan-pertubuhan sedia ada.

Melalui penubuhannya juga JPP, Ahli Majlis PBT, MPP dan pertubuhan/persatuan yang bergerak di kawasan PBT juga dapat diselaraskan bagi memastikan program yang dilaksanakan tidak bertindih antara satu sama lain dan PBT boleh mengambil tindakan secara komprehensif dan kolektif bagi menangani isu-isu kesejahteraan bandar yang dibangkitkan oleh penduduk.

JPP ini merupakan satu struktur formal yang akan dianggotai oleh pemimpin-pemimpin tempatan yang mana objektif penubuhannya adalah seperti

yang berikut:

- Menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat;
- Membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- Mewujudkan hubungan baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

JPP ditubuhkan di seluruh negara kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Lembaga Bandaran Johor Tenggara dan Lembaga Kemajuan Tioman. Buat masa ini Pihak Berkuasa Negeri Sabah dan Sarawak menolak pelaksanaan JPP di kedua-dua negeri tersebut.

Setiap PBT diperuntukkan sebanyak 24 zon. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan PBT dibenarkan untuk membuat pengubahsuaian bilangan zon di setiap PBT berdasarkan densiti penduduk dan isu berbangkit di PBT tertentu. Bilangan JPP seluruh Semenanjung Malaysia adalah seperti yang berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah PBT	Jumlah Kuota JPP Negeri	Jumlah JPP di Negeri
1.	Melaka	4	96	96
2.	Pulau Pinang	2	48	48
3.	Perak**	15	360	311
4.	Perlis	1	24	24
5.	Kedah**	11	264	252
6.	Pahang	11	264	264
7.	Selangor	12	288	288
8.	Terengganu	7	168	168
9.	Johor**	15	360	359
10.	Kelantan**	12	288	287
11.	Negeri Sembilan**	8	192	191
	Jumlah	98	2,352	2,288

** Negeri yang tidak mengambil kuota penuh JPP – Kedah, N. Sembilan, Perak dan Johor

Turut hadir semasa majlis ini berlangsung ialah YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique; Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Seri Mustapa Bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YB Datuk Rohani Binti Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; YB Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, Timbalan Menteri Pelajaran; YB Datuk Seri Haji Noh Bin Omar, Ahli Parlimen Tanjung Karang; YB Datuk Ir. Haji Hamim Bin Samuri, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek; Ketua Setiausaha, KPKT; YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak, Mantan Ketua Setiausaha, KPKT; dan YBhg. Dato' Halimi Bin Abd. Manaf; Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT; YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri; Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); ahli-ahli JPP; wakil media dan penjawat KPKT.



MAJLIS PALUAN BERUNDUR YBHG. DATO' SERI ARPAAH



26 Mei 2015 tanggal bermakna buat KPPT, Merai perpisahan buat insan yang teristimewa, Ketua Setiausaha KPPT wanita yang pertama akan meninggalkan kami bersama-sama memori indah yang telah tercipta.

Lebih 3 dekad menabur bakti untuk Negara, Jasa dan budimu tidak terkira, Memimpin KPPT mencipta nama dalam pelbagai arena, Anugerah dan penghargaan galak diterima, Hasil usaha murni dan perkhidmatan berkualiti untuk rakyat jelata.

Bermusim sudah kita bersama, berkongsi cerita suka dan duka, mengenal hati budi dan budaya, Sebak dan sayu nak ditinggal pergi, Namun jangan ditangisi perpisahan ini, Kerana kami di sini tak akan pernah lupa, Ilmu yang disampaikan akan terus dijadikan amalan, Nasihat dan peringatan akan sentiasa dijadikan panduan.

Selamat berangkat dalam berkat doa, Selamat bersara dari segala pancaroba, Selamat istirahat di samping keluarga tercinta, Semoga dikurniakan umur yang panjang, kesihatan yang baik, hati yang tenang dan beroleh keredhoan-Nya.

Majlis Serah Terima Tugas Ketua Setiausaha KPPT telah berlangsung pada 26 Mei 2015 bertempat di Dewan Kristal, KPPT. Majlis penyerahan tugas secara rasmi daripada YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak kepada YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiausaha KPPT yang baharu telah disaksikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pada jam 5.00 petang hari tersebut, telah berlangsung Majlis Clock-out YBhg. Dato' Seri Arpah di Lobi KPPT. Seterusnya para pegawai dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyempurnakan istiadat paluan berundur sempena persaraan YBhg. Dato' Seri Arpah.

Majlis yang penuh bermakna ini turut dihadiri oleh Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Pengarah, Setiausaha-setiausaha Bahagian, wakil media dan penjawat KPPT.



Ringkasan Latar Belakang YBhg. Dato' Seri Arpah Abdul Razak

YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak dilahirkan di Pulau Pinang pada 27 Mei 1954. Beliau berkelulusan *Bachelor of Urban Studies* dari Universiti Sains Malaysia dan *Master of Planning* dari University of Southern California, Amerika Syarikat.

YBhg. Dato' Seri Arpah memulakan kerjayanya dalam Perkhidmatan Awam pada tahun 1978 dan telah menyumbang bakti kepada Kerajaan Malaysia selama 36 tahun enam (6) bulan (termasuk berkursus di Institut Tadbiran Awam Negara, INTAN selama setahun). Beliau pernah bertugas di Majlis Perbandaran Pulau Pinang; Kementerian Pelajaran Malaysia; INTAN; Institut Diplomas dan Hubungan Luar Negeri; dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau pernah menyandang jawatan Timbalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Subang Jaya pada tahun 2000 dan dilantik sebagai Pengarah Korporat di Perbadanan Putrajaya pada tahun 2005.

YBhg. Dato' Seri mula dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), KPPT pada Oktober 2006. Selepas lima (5) tahun meneraju JKT, YBhg. Datuk telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPPT bermula pada 2 November 2011 dan pada tarikh 3 April 2012 YBhg. Datuk Arpah dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPPT.



**DATUK HAJI MOHAMMAD ANAK SABAH PERTAMA
SANDANG JAWATAN KSU DI PERINGKAT PERSEKUTUAN**



Teruskan Kecemerlangan KPKT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha KPKT pada 27 Mei 2015. Beliau sebelum itu dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPKT pada 23 Februari 2015.

YBhg. Datuk Haji Mohammad yang berusia 51 tahun, berasal dari Semporna Sabah, mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Sains (Statistik) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik) dari University of Minnesota, Amerika Syarikat.

Beliau menyertai Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Disember 1992 dan berpengalaman dalam bidang pembangunan dan pengurusan sumber manusia, keselamatan serta kewangan menerusi karier perkhidmatannya sebagai:

- Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan;
- Ketua Pengarah, *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)*, Jabatan Perdana Menteri;
- Pengarah Imigresen Negeri, Jabatan Imigresen Sabah;
- Pengarah INTAN Sabah;
- Pengarah Imigresen Negeri Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- Penolong Pegawai Kewangan Negeri Perak, Pejabat Kewangan Negeri Perak.

KPKT berkeyakinan, kelayakan, pengalaman, pengetahuan serta kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek akan membolehkan beliau memimpin dan meneruskan lagi kecemerlangan Kementerian ini.



Saya hari ini telah menyampaikan watakah perantukan kepada Datuk Mohammad Bin Mentek sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang baharu.

Sebagai anak Sabah yang pertama menyandang jawatan Ketua Setiausaha (KSU) di peringkat Persekutuan, saya berharap perantukan ini akan mendorong rakyat Sabah untuk menceburi perkhidmatan awam Persekutuan. Saya pasti ramai anak Sabah yang berkaliber dan bersemangat untuk berkhidmat demi memartabatkan agenda pembangunan Negara.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada KSU KPKT sekarang, Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak yang telah mencurahkan bakti untuk melihat kelangsungan agenda perumahan negara serta kesejahteraan penduduk bandar.

YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak
22 Mei 2015



Sidang pengarang Buletin KPKT mewakili semua warga KPKT ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, mantan Ketua Setiausaha KPKT di atas segala sumbangan bakti kepada negara selama beliau berkhidmat dengan Kerajaan terutama sepanjang memegang jawatan Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan, KPKT); dan Ketua Setiausaha, KPKT. Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Haji Mohammad Bin Mentek atas pelantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha KPKT yang baharu. Semoga KPKT terus cemerlang dibawah pimpinan YBhg. Datuk.



TAMAN AWAM WADAH GAYA HIDUP SIHAT



"Taman adalah akses kepada landskap hijau yang mampan yang membantu merehatkan minda semasa bersukan, jogging, berbasikal dan berjalan kaki. Aktiviti fizikal ini dapat menghindari masalah kesihatan seperti obesiti, diabetes (kencing manis), hipertensi (tekanan darah tinggi), penyakit jantung serta sesuai untuk interaksi sosial seperti santai bersama keluarga, hari keluarga dan berkelah. Ini akan menyerap nilai untuk menghargai, mencintai dan membudayakan landskap bagi memacu usaha ke arah Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020".

—Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan—



Sambutan Hari Landskap Negara peringkat kebangsaan 2015 bertemakan 'Taman Awam Wadah Gaya Hidup Sihat' telah dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 7 Mac 2015 dan diadakan di Zon Rekreasi Keluarga (Lembah Kiara), Taman Persekutuan Bukit Kiara. Tapak ini dipilih kerana mempunyai kemudahan yang baik untuk orang awam melakukan pelbagai aktiviti rekreasi dalam persekitaran yang selesa.

Program anjuran Jabatan Landskap Negara (JLN) ini diadakan bertujuan mendidik dan memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai dan mencintai landskap negara. Pihak JLN memfokuskan kepada hasrat menggalakkan masyarakat menggunakan taman-taman awam sebagai ruang rekreasi awam bagi memenuhi keperluan gaya hidup sihat dan integrasi sosial di kawasan bandar.

Turut diadakan *softlaunch* acara menanam pokok di Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Bagi penyediaan Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur ini, satu bengkel Arboretum telah diadakan pada 3 Mac 2015 yang menfokus kepada sesi penglibatan awam. Pandangan awam ini akan membantu JLN menyediakan Taman Persekutuan yang memenuhi keperluan rekreasi bagi penduduk Lembah Klang khususnya dan negara amnya.

Selain daripada Bengkel Arboretum ini, pelbagai aktiviti sambutan Hari Landskap Negara 2015 telah diatur untuk selama enam (6) hari dari 3 hingga 8 Mac 2015 seperti senamrobik dan zumba; pameran dan konsultasi awam Taman Persekutuan Bukit Kiara; program kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; ceramah landskap; persembahan *buskers*; dan pertandingan mural, mewarna dan melukis.



Fakta Menarik

Pengisytiharan tarikh Hari Landskap Negara adalah rentetan daripada pelancaran Program Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Sehubungan dengan itu, Kementerian menjadikan 3 Mac sebagai Hari Landskap Negara sempena pelancaran kempen Menanam Pokok Seluruh Negara yang telah dibuat pada tarikh tersebut. Kerajaan telah mengisytiharkan 3 Mac setiap tahun sebagai Hari Landskap Negara sejak 1998.



Targeting 250 participants from the government agencies, bilateral and international development agencies, city networks, NGO's, private groups, academia group, community groups, front liner experts the seminar serves as a platform to discuss current issues on urban environmental management and explore opportunities for collaborative actions.

The 6th High Level Seminar on Environmentally Sustainable Cities 2015 (6HLS ESC) was officiated by YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, The Deputy Minister of Ministry of Urban Wellbeing Housing and Local Government Malaysia and Vice Minister for Global Environment Affairs, Ministry of the Environment Japan on 9 February 2015 in Johor Bharu. The seminar is co-organised by Government of Malaysia, Government of Japan, Government of Cambodia, ASEAN Working Group on Environmentally Sustainable Cities and ASEAN Secretariat takes the pulse of ASEAN's 2015 'One Community' aspiration through the advancements of ASEAN's local champions and change makers.

6HLS ESC looks back on achievements over five years since 2010, and beyond. ASEAN, East Asian countries and key stakeholders discuss the way forward for growing an emerging 'ASEAN ESC Community' post-2015, while Asia's outstanding cities present their achievements under the ASEAN ESC Model Cities Programme (Year 2).

The seminar is featuring a Preparatory Meeting, Plenary 1 on The ASEAN ESC Community: Beyond 2015 chair by Prof Ryokichi Hirono of Seikei University Japan and Datin Paduka Dr. Dahlia Binti Rosly, Director General, Federal Department of Town and Country Planning, Peninsular Malaysia with panelists from Asean Secretariats, Brunei Darussalam, Malaysia, Cambodia, Indonesia, Singapore, Thailand, Viet Nam, Philippines, Lao PDR, Myanmar while Thematic Sessions on ASEAN ESC Cities Part 1, Capitalizing on Opportunities for Air Quality Action and Decarbonising Cities will be chaired by Hon. Gerardo P, Ms Maru Jane and Dr. Tadashi respectively; and an International Forum on Future City Initiative in Malaysia.



6HLS ESC is timely with Malaysia being the ASEAN Chair in 2015. Malaysia will strive to ensure that the creation of a 'people-centered ASEAN' in 2015 will see more direct involvement of all sector and the theme chosen would be a sharper instrument for the realisation of the people's dream for more effective and responsive governance; better standards of living; strengthened environmental protection; further empowerment of women and greater opportunity for all.

Coming to its 6th HLS ESC in Johor Bharu, Malaysia, the last five (5) had been held in Indonesia 2010 (Jakarta), Japan 2011, Cambodia 2012, Viet Nam 2013 and Indonesia 2014 (Surabaya). Environmentally Sustainable Cities (ESC) was an immediate priority area as an initial step of East Asia Summit Environment Ministers Meeting (EAS EMM) inaugurated in Hanoi, Viet Nam in October 2009. It was agreed by the EAS EMM that the first High Level Seminar (HLS) on ESC would be held to formulate concrete collaborative activities on ESC.



MALAYSIA SAMBUT INTERNATIONAL DAY OF HAPPINESS KALI PERTAMA

Pada tahun 2012, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 20 Mac sebagai 'International Day of Happiness' atau Hari Kebahagiaan Sedunia. Bagi menyokong hasrat murni PBB, KPKT melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) telah mengambil inisiatif untuk mempromosi aktiviti-aktiviti dan program kesejahteraan bandar dengan menganjurkan sambutan sempena Hari Kebahagiaan Sedunia yang pertama pada 20 Mac 2015 bertempat di Ibu Pejabat JPBD dan di hadapan Kompleks Sogo, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Sambutan yang bermula jam pagi 7.00 pagi hingga 4.30 petang melibatkan pelbagai aktiviti antaranya pemeriksaan kesihatan secara percuma, sesi bergambar ceria, edaran *happy notes*, *free-bus-ride* (dari Sogo-KLCC-Sogo) dan *busking*. Melalui program seperti ini, akan dapat membantu ke arah meningkatkan kesejahteraan komuniti dan persekitaran bandar yang mampan dan berdayahuni.

Program ini juga mendapat kerjasama daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Kesihatan Malaysia serta mendapat liputan meluas daripada pihak media.

KPKT menyedari keperluan untuk menyediakan PPR di seluruh negara dan bagi memastikan perkara ini direalisasikan, KPKT telah mengambil inisiatif seperti yang berikut:

- penubuhan Bank Tanah (*Land Bank*) oleh KPKT telah diluluskan oleh Kerajaan. Ini adalah bagi mengatasi masalah mendapatkan lokasi yang strategik bagi pelaksanaan projek PPR di seluruh negara. Melalui Bank Tanah ini lokasi yang strategik akan dikenal pasti dan diambil atau dibeli terlebih dahulu untuk pembinaan PPR pada masa akan datang. Tindakan ini akan membantu Kerajaan untuk mengurangkan kos tanah kerana tanah telah diperolehi terlebih dahulu;
- meneroka pelbagai kaedah dan teknologi baharu dalam bidang perumahan. Kajian dan kerjasama dengan pelbagai pihak sentiasa diadakan bagi mengenal pasti teknologi-teknologi baharu yang sesuai untuk diterapkan. Melalui penggunaan teknologi baharu ini, kos pembinaan rumah-rumah PPR dapat dikurangkan dan pelaksanaannya menjadi lebih cekap dan cepat;
- penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan yang bertanggungjawab untuk menguruskan semua urusan perumahan yang dibina di bawah KPKT. Melalui penubuhan perbadanan ini, sistem pengurusan perumahan awam negara akan menjadi lebih tersusun dan cekap. Kerajaan-kerajaan Negeri juga tidak akan terbeban dengan tanggungjawab untuk menguruskan rumah-rumah awam ini.

PPR SUNGAI MELANA FASA 2 UNTUK RAKYAT JOHOR

Pada 16 Mei 2015, YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Majlis Perasmian Penyerahan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah, Johor Bahru kepada Kerajaan Negeri Johor dan seterusnya melancarkan projek PPR Sungai Melana II.

PPR Sungai Melana I ini telah dimulakan pembinaannya pada 1 Oktober 2009 dan siap sepenuhnya dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 13 November 2014. Projek ini dibina di atas tanah seluas 18.773 ekar merangkumi pembinaan sebanyak tiga (3) blok rumah pangsa dengan 1,170 unit rumah berserta kemudahan asas melibatkan kos sebanyak RM147,741,100. Projek PPR ini turut menyediakan pelbagai kemudahan awam seperti tadika, surau, dewan serbaguna, 33 unit kedai (11 unit bagi setiap blok), taman permainan kanak-kanak dan kawasan lapang.

Sehingga kini, Negeri Johor menerima peruntukan sebanyak RM1,439,590,000 bagi membina projek-projek PPR. Projek-projek ini melibatkan lapan (8) buah projek PPR iaitu bersamaan dengan 8,728 unit rumah telah siap dibina; empat (4) projek iaitu sebanyak 2,917 unit yang masih dalam pelaksanaan; dan dua (2) buah projek PPR yang dalam perancangan iaitu sebanyak 900 unit bakal dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah.

PPR KOTA BELUD: HARAPAN ANDA, ASPIRASI KAMI



YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Belud, Sabah pada 10 Mei 2015. YAB Perdana Menteri diiringi oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Parlimen Kota Belud.

PPR Kota Belud ini dibina berhampiran Pekan Kota Belud bermula pada akhir 2014 dan dijadualkan siap pada tahun 2018. PPR ini dibina di atas tanah seluas 79.54 ekar merangkumi pembinaan sebanyak 900 unit rumah teres berserta kemudahan asas melibatkan kos sebanyak RM162 juta.

Satu unit rumah mempunyai keluasan 700 kaki persegi dengan tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, ruang tamu, ruang makan dan dapur. PPR ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam

seperti tadika, surau, dewan serbaguna, kedai, taman permainan dan kawasan lapang.

Lokasi PPR ini adalah di kawasan tanah yang lebih tinggi bagi mengatasi banjir yang sering melanda penempatan-penempatan tradisional di kawasan Kota Belud. Ini juga akan mendorong kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lain di sekitar kawasan ini yang mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat melalui peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

Majlis pada pagi ini turut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Panglima Musa Bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah; YB Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Bin Tun Said Keruak, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah; YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Bin Haji Mulia, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia; pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Sabah; serta orang awam.





PERLIS TERIMA 200 UNIT RUMAH PPR TERCANTIK



Pada 7 April 2015, Kerajaan Negeri Perlis menerima sebanyak 200 unit rumah teres jenis kluster satu (1) tingkat di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bernilai RM24.5 juta di Taman Wai Permai. PPR ini dahulunya dikenali sebagai PPR Kg Wai telah diberi nama baru Taman Wai Permai.

Majlis penyerahan kepada Menteri Besar, YAB Dato' Seri Azlan Bin Man itu telah disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri Perlis akan mengenal pasti bakal-bakal penghuni yang layak iaitu golongan yang berpendapatan rendah (setinggan, Orang Kelainan Upaya (OKU), ibu tunggal) yang ditempatkan semula.

Projek yang dianggap tercantik pernah dibina di bawah PPR itu berkonsepkan moden dan menyediakan pelbagai kemudahan seperti tempat letak kereta, dewan serba guna, tadika, gerai, padang permainan dan surau untuk kemudahan dan keselesaan para penduduk. Pembinaan rumah di kawasan seluas lapan (8) hektar itu dimajukan oleh Syarikat Gardenia Villas Sdn Bhd bermula Julai 2012 dan siap sepenuhnya serta mendapat Sijil Layak Menduduki pada Disember 2014.

KPKT telah melaksanakan tiga (3) projek PPR dengan 1,428 unit rumah di Negeri Perlis dan merancang untuk membina sebuah lagi projek PPR di negeri Perlis iaitu PPR Arau sebanyak 400 unit. Perincian projek PPR yang telah siap dibina di Negeri Perlis adalah seperti yang berikut:

Bil.	Projek	Kuantiti Unit Rumah
1.	PPR Bintong, Kangar	748
2.	PPR Mukim Sena, Kangar	480
3.	PPR Kg. Wai, Kuala Perlis	200
	Jumlah	1,428

Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah mensasarkan keseluruhan pembinaan PPR sebanyak 102,435 unit rumah di seluruh Negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 75,191 unit telah siap dibina manakala sebanyak 27,244 unit masih dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM2.517 bilion bagi melaksanakan projek PPR di bawah RMKe-9 di seluruh negara. Manakala RM 1.920 bilion telah diperuntukkan bagi pembangunan projek dalam RMKe 10.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YB Tuan Haji Mat Bin Haji Hassan, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Perkhidmatan Bandar dan Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil; YB Tuan Romli Bin Dai, Pegawai Kewangan Negeri; YBhg. Datuk Mohamad Yusoff Bin Ghazali, Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara; pegawai kanan KPKT; dan Kerajaan Negeri Perlis serta penduduk setempat.



"HOUSING GUARANTEE SCHEME OF KOREA" KE MEJA BULAT BAGI MELINDUNGI PEMBELI RUMAH

YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan sesi perbincangan Meja Bulat mengenai 'Housing Guarantee Scheme of Korea' bersama wakil Korea Housing Guarantee Co.Ltd pada 10 Februari 2015 di Putrajaya.

Tujuan sesi perbincangan ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklum balas serta pandangan pelbagai pihak yang terlibat dalam industri pembinaan perumahan negara selain mengkaji lebih lanjut kesesuaian skim tersebut bagi dilaksanakan di negara ini.

Turut hadir sama bagi sesi perbincangan meja bulat ini ialah YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga beberapa persatuan seperti Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA), Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) serta dua (2) orang Profesor Madya dari Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia.



Fakta Menarik

Housing Guarantee Scheme diperkenalkan di Korea pada tahun 1982 untuk melindungi pembeli rumah dan juga pihak pemaju Korea di mana skim tersebut menyediakan pampasan kepada pembeli sekiranya pembinaan rumah tidak dapat disiapkan atau terbengkalai. Di pihak pemaju pula, skim itu akan memberi bantuan kepada pemaju sekiranya berlaku kenaikan kos pembinaan yang tidak dijangka.



MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MESYUARAT PENYELARASAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR 2015

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) dan Mesyuarat Penyelaras Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di majlis makan malam anjuran Kerajaan Negeri Perak pada 15 Mac 2015 bertempat di Ipoh, Perak.

Pada majlis ini juga turut diadakan penyampaian Titian Kasih kepada Ketua Isi Rumah; Penyampaian Hadiah Pertandingan Bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2014 dan Penyampaian Geran Tahunan dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) kepada kesemua 15 pihak berkuasa tempatan (PBT) di Negeri Perak.

JPPBT ini dihadiri oleh 350 orang yang terdiri daripada Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi PBT, Kerajaan Negeri dan beberapa agensi pusat yang berkaitan bagi membincangkan isu-isu seperti yang berikut:

- Penyampaian perkhidmatan di PBT yang boleh memberi impak kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan Pusat berhubung dengan Kerajaan Tempatan;
- Penyediaan peluang kepada PBT untuk berkongsi pengalaman dan pandangan serta mendapatkan maklum balas bagi memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan di PBT; dan
- Sebagai forum untuk meningkatkan pemahaman Kerajaan Negeri dan PBT terhadap dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat bagi membolehkan PBT memberi perkhidmatan yang lebih efektif kepada penduduk setempat.

Sebanyak enam (6) kertas kerja dibentangkan di



Mesyuarat JPPBT ini iaitu:

Bil.	Tajuk Kertas	Agensi
i.	Akta Pengurusan Strata	KPKT
ii.	Cadangan Indikator dan Kaedah Baharu Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan (SPB-PBT) 2015	KPKT
iii.	Projek Pembangunan BP1: Integriti dan Keefisienan Dalam Pelaksanaan Projek	KPKT
iv.	Transformasi Zoo Taiping & Night Safari: Ke Arah Zoo Bertaraf Antarabangsa (World Class Zoo)	Majlis Perbandaran Taiping
v.	Kerjasama PBT dalam Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
vi.	Memohon Kerjasama PBT Dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan Fizikal Sekolah-sekolah	Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagi Mesyuarat PPKB pula ahli tetap mesyuarat adalah Datuk Bandar / Yang Dipertua Majlis atau wakil, Pegawai Kemajuan Negeri atau wakil, Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah atau wakil dan Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak atau wakil membincangkan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di peringkat PBT dan juga Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) termasuk isu-isu yang berbangkit dalam pelaksanaan PPKB. Fungsi Mesyuarat PPKB adalah untuk:

- Memaklumkan pencapaian program-program Kesejahteraan Bandar yang dilaksanakan oleh KPKT pada tahun semasa dan pelaksanaan program PPKB pada tahun mendatang kepada agensi pelaksana;
- Memaklumkan dasar sedia ada dan hala tuju KPKT dalam pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) kepada agensi pelaksana;
- Mendapatkan idea dan pandangan bagi menambah baik hala tuju sedia ada;
- Berkongsi pengalaman dan maklumat dalam menyediakan isi/masalah berbangkit berkenaan komuniti miskin bandar;
- Membincangkan isu-isu berbangkit berkenaan pelaksanaan program/projek kesejahteraan bandar;
- Mendapatkan sokongan dan kerjasama padu serta komitmen agensi pelaksana; dan
- Menguatkuangkan *networking* antara KPKT dengan agensi pelaksana agensi pusat bagi memudahkan pelaksanaan program dan aktiviti kesejahteraan bandar di lapangan.

Mesyuarat tahunan JPPBT dan PPKB ini mempunyai ahli tetap bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dan berbangkit antara PBT dengan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan dalam menjawab soalan Senator Tan Sri Abdul Rahim Bin Abdul Rahman di Dewan Negara pada 28 April 2015 yang bertanya berhubung kejayaan yang dicapai dalam pembinaan rumah mampu milik melalui agensi-agensi kerajaan bertanggungjawab, YB Menteri memaklumkan sebanyak 95,124 unit rumah mampu milik telah siap dibina oleh semua agensi berkaitan termasuk 40,650 unit oleh pemaju swasta sehingga Disember tahun lalu. Agensi terbabit adalah Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Jabatan Perdana Menteri, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kementerian Kewangan dan Kementerian-kementerian lain termasuk semua Kerajaan Negeri.

YBM berkata, daripada jumlah itu, Kementerian telah menyiapkan 11,546 unit rumah di bawah program Perumahan Rakyat (PPR) dan 418 unit rumah di bawah Program Skim Pinjaman Perumahan (SPP).

Dalam pada itu, 42,857 unit rumah berada dalam fasa pembinaan dan 249,468 unit rumah lagi masih dalam pelbagai peringkat perancangan. Bagi memantau pelaksanaan program, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) bagi menyelaraskan dan memantau pencapaian sasaran pembinaan satu juta rumah mampu milik.

JPEN yang dianggotai oleh pelbagai agensi terlibat dalam pembangunan termasuk pemaju-pemaju swasta itu akan melaporkan pencapaian pelaksanaan program kepada Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Menurut YB Datuk Abdul Rahman lagi, kejayaan program berkenaan secara keseluruhannya memerlukan komitmen serta kerjasama daripada semua pihak.



“

Kementerian telah menyiapkan 11,546 unit rumah di bawah program Perumahan Rakyat (PPR) dan 418 unit rumah di bawah Program Skim Pinjaman Perumahan (SPP)

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

”



“

Walau bagaimanapun, pembeli perlu mendapatkan perakuan dari Kementerian serta persetujuan bertulis pihak pembiayaan kewangan

”

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique

Menjawab soalan tambahan yang diajukan oleh YBhg. Tuan Syed Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin mengenai tindakan yang boleh dikenakan terhadap pemaju berhubung isu projek terbengkalai di Dewan Rakyat pada 18 Mac 2015, YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique memaklumkan bahawa menerusi peruntukan itu, pembeli boleh membuat pembatalan jika tiada pembinaan perumahan atas tapak dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan. Walau bagaimanapun, pembeli perlu mendapatkan perakuan dari Kementerian serta persetujuan bertulis pihak pembiayaan kewangan. Inisiatif tersebut bertujuan untuk melindungi hak pembeli sekali gus menutup ruang terhadap pemaju untuk mengambil kesempatan bagi menjadikan projek pemajuan mereka sebagai projek terbengkalai.

Peruntukan Seksyen 8 menerusi pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) akan membolehkan pembeli rumah menamatkan perjanjian jual beli mereka sekiranya mendapati tiada pembangunan dijalankan pemaju.

YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan ketika menggulung perbahasan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong peringkat Kementerian dalam sidang Dewan Rakyat 25 Mac 2015 menjawab soalan celahan dari YBhg. Datuk Johari Bin Abdul Ghani yang bertanya mengenai inisiatif Kementerian dalam membangunkan semula perumahan awam di Ibu Negara.

YB Datuk Abdul Rahman memberitahu, Kementerian akan membawa cadangan pembangunan semula perumahan awam untuk dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri.

Beliau menambah, Kerajaan berdepan kesukaran untuk mendapatkan tanah yang sesuai untuk tujuan pembangunan semula perumahan awam di bandar besar seperti Kuala Lumpur.



“

Kementerian akan membawa cadangan pembangunan semula perumahan awam untuk dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak

YB Datuk Abdul Rahman Dahlan

”



KPKT TO DRIVE POST - FLOOD CLEAN-UP OPS

The Urban Wellbeing, Housing and Local Government Ministry (KPKT) have been directly instructed by the Prime Minister to look into the cleaning up of areas affected by floods.

KPKT will now focus on post-flood cleaning up operations. We have received an official letter from the Kelantan state government requesting assistance to clean up local authority areas (Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan) in Kelantan.

I have instructed my ministry's Chief Secretary to commence the cleaning operations to remove debris and solid waste, which have accumulated in huge quantity during the flood.

This massive cleaning up will be conducted by the federal government with close cooperation of local authorities and Dato' Seri Mustapa Mohamed, who is also the Kelantan Flood Disaster Committee Chairman. The cleaning up includes removal of dead animals' remains (if any), which might pose a health risk to the population.

KPKT will also communicate with Meteorological Department to ensure the cleaning up operations will not be hampered by any second wave or third wave of flooding. The Fire and Rescue Department has also been asked to provide water supply for cleaning up operations, when required.

DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government
2nd January 2015



MISI BANTUAN PASCA BANJIR SHEB & TEAM RD 2015 KE KELANTAN



Pada 7 Januari 2015, YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan telah melancarkan Misi Bantuan Banjir SHEB & Team RD 2015 dengan kerjasama #KPKT; Kor Tani, Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ); National Aerospace & Defence Industries (NADI); Sapura; Majlis Belia Daerah Jempol; dan Parlimen Kepong serta mendapat sokongan penuh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Misi yang dikelola oleh Sekretariat Hal Ehwal Bandar (SHEB) dan Team Rahman Dahlan (Team RD) ini berpusat di SMK Yahya Petra 1, Kuala Krai, Kelantan dari 6 hingga 10 Januari 2015.

Konvoi misi yang dilepas oleh YB Datuk Abdul Rahman pada petang 7 Januari merupakan pasukan kedua dengan kekuatan seramai 260 orang sukarelawan dari Johor, Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Sementara itu, pasukan pertama dengan 95 orang anggota sukarelawan telah berada di Kuala Krai dan memulakan misi pembersihan pada 6 Januari 2014. Turut serta dalam misi ini ialah Kumpulan *Medic* yang terdiri daripada lima (5) orang doktor yang diketuai oleh Dr Rao; dan rakan-rakan media.

Misi yang keseluruhannya dianggotai lebih daripada 300 orang sukarelawan ini memfokuskan kepada kerja-kerja pembersihan di sekolah-sekolah antaranya SMK Yahya Petra 1 dan SK Pehi bagi tujuan persediaan persekolahan sesi 2015 pada 11 Januari.

YBhg. Datuk Tengku Azman Bin Tengku Zainol Abidin, Pengerusi SHEB memaklumkan pembersihan sekolah tersebut akan diselesaikan dan dapat diserahkan kepada Pengetua sekolah berkenaan pada petang 10 Januari.

Misi ini turut membawa bersama bekalan makanan dan pinggan mangkuk untuk diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir. Pihak NADI menyumbangkan sebanyak 10,000 peralatan dapur termasuk pinggan mangkuk; Sapura pula menyumbang komunikasi berterusan misi ini dan sumbangan juga diterima daripada orang perseorangan seperti air minuman, beras dan lain-lain.



ALAM FLORA KUTIP SAMPAH 2,000 TAN SEHARI DI KELANTAN



YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT telah mengadakan lawatan sehari ke Kuala Krai dan Manek Urai pada 23 Januari 2015 untuk meninjau sendiri situasi pelupusan sampah di kawasan bencana banjir dan mengenal pasti tahap kemusnahan serta jenis-jenis bantuan terutamanya dari segi aset-aset yang boleh ditambah untuk mempercepatkan usaha pengumpulan, pelupusan dan pengeluaran sampah dari kawasan bencana.

Turut mengiringi beliau dalam lawatan tersebut ialah Tuan Mohd Rosli Bin Haji Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN); PPJB Azmi Bin Osman, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan; YBhg. Dato' Seri Afandi Bin Hamzah, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Negeri Kelantan; Tuan Haji Mohd Zain Bin Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Alam Flora; dan Tuan Haji. Sukeri Bin Haji Hassan, Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Krai.

Menurut Tuan Haji Mohd Zain Bin Hassan, Syarikat Alam Flora telah memulakan tugas pengutipan dan pembersihan sampah di kawasan bencana banjir di Kelantan sejak 9 Januari 2015 dan dalam tempoh dua (2) minggu pihak syarikat

telah melupuskan 22,825 tan sampah dan sisa pepejal lain di seluruh negeri Kelantan. Alam Flora juga telah menghantar sebanyak 104 kenderaan dan 303 orang pekerja bagi membantu membersihkan, mengumpul dan melupus sampah.

Yang Di Pertua Majlis Daerah Kuala Krai pula memaklumkan bahawa terdapat 13 kumpulan sukarelawan terdiri daripada agensi, pertubuhan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) turut membantu penduduk jajahan Kuala Krai yang terjejas banjir.

YBhg. Dato' Seri Arpah dalam ucapannya sebelum itu memohon Majlis Daerah, Alam Flora serta jabatan yang terlibat untuk lebih peka dan mengambil tindakan segera jika terdapat longgokan sampah di tepi-tepi jalan. Beliau juga mengarahkan agar sampah dan sisa pepejal yang diletakkan di tapak pelupusan sementara dipindahkan segera ke tapak pelupusan yang sebenarnya bagi mengelakkan perbagai masalah lain kepada penduduk tempatan. Selain itu, beliau juga menyeru agar penduduk tempatan tidak memasuki kawasan tapak pelupusan sampah bagi mengelak mereka terkena jangkitan penyakit dan juga kecederaan.

LENSA MISI #PASCABANJIR KPKT



2 Januari 2015

Misi#PascaBanjir KPKT: YB Menteri turun padang ke Kota Belud, Sabah untuk melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Dewan Tun Said



8 Januari 2015

Misi#PascaBanjir KPKT: YB Menteri dan YB Timbalan Menteri bersama dengan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia ke Temerloh, Pahang.



12 Januari 2015

Misi#PascaBanjir KPKT: Lawatan Turun Padang YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan YBhg. Ketua Setiausaha ke Dataran Arena Kuala Kangsar, Perak

SESI TOWNHALL MEDIUM KOMUNIKASI DUA HALA LEBIH TERBUKA

KPKT mengambil pendekatan untuk menganjurkan sesi taklimat umum (*townhall*) sebagai salah satu usaha untuk menarik minat masyarakat bandar kepada pelaksanaan program-program pembangunan kesejahteraan rakyat melalui sumbangan idea dan pandangan kreatif dalam mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa, mesra penduduk, ruang untuk berinteraksi dan perasaan "*sense of belonging*" kepada kawasan persekitaran mereka.

Sesi ini dianjurkan bertujuan untuk memastikan pelaksanaan program KPKT bersifat lebih inklusif dan efektif agar matlamat dan objektif Kerajaan dalam pembangunan kesejahteraan rakyat terlaksana dan seterusnya memberikan impak positif kepada kehidupan masyarakat di Malaysia.

Medium komunikasi dua hala secara bersemuka bersama-sama dengan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri ini memberikan ruang yang lebih terbuka

kepada rakyat untuk memberikan idea dan melibatkan diri dalam program-program yang sedang dan akan dilaksanakan oleh KPKT.

Ini juga memberi ruang kepada masyarakat untuk berganding bahu bersama Kerajaan ke arah usaha menambak baik kemudahan dan taraf hidup komuniti setempat dan meningkatkan lagi sistem penyampaian Kerajaan.



YB Menteri Bersama Komuniti Bandaraya Ipoh

Sesi Townhall YB Datuk Abdul Rahman Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Komuniti Bandaraya Ipoh telah diadakan di Dewan Komuniti 1Malaysia Chemor pada 15 Mac 2015.

Program anjuran KPKT dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh ini berjaya menarik kehadiran lebih daripada 500 orang yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin tempatan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) setempat, pemimpin pelajar dan belia serta penduduk tempatan. Penyelesaian aduan dan permasalahan yang dikemukakan dijawab oleh ketua-ketua jabatan dan agensi yang turut hadir di sesi townhall ini.

Sesi *townhall* ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha, KPKT; YB Datuk Haji Aminuddin Bin Md Hanafiah, ADUN Hulu Kinta; YB Haji Mohamad Ziad Bin Dato' Mohamed Zainal Abidin, ADUN Manjoi; YB Dato' Saarani Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Merangkap ADUN Kota Tampan; YB Dato' Seri Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah, Ahli Parlimen Tambun; pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Perak; wakil media serta pemimpin masyarakat setempat.



YB Timbalan Menteri Rasmi Townhall Bandar Bersih

YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Sesi *Townhall* Bandar Bersih yang diadakan di Dewan Sultan Iskandar, Maktab Sultan Abu Bakar, Johor pada 15 Mac 2015. Sesi yang dianjurkan oleh *Solid Waste Corporation* (SWCorp Malaysia), KPKT ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Ab Rahim Bin Md Noor, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp Malaysia

Semasa sesi ini, YB Datuk Halimah menjelaskan bahawa dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) yang mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah, tidak mustahil untuk negara kita disenaraikan sebagai 10 negara terbersih menjelang Tahun 2020. Pengasingan sisa pepejal tersebut akan dikuatkuasakan sepenuhnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Perak dan Kedah.

Program *townhall* ini telah menjadi batu loncatan kepada Kerajaan Negeri Johor dalam berkongsi pendapat, memberi cadangan serta memperbaiki kekurangan yang dimiliki untuk sama-sama menjayakan Bandar Bersih di seluruh negeri Johor.



PROGRAM FOOD-BASKET: YB MENTERI ZIARAH KELUARGA MISKIN DI PUSING, PERAK

Selepas selesai sesi *townhall* bersama Komuniti Bandaraya Ipoh, YB Datuk Abdul Rahman bersama-sama dengan rombongan telah menziarahi keluarga Encik Liaw Choy Hing @ Liew Chin Chan yang tinggal di No. 16 Laluan Sri Pengkalan 14, Pusing, Perak.

En. Liaw merupakan bekas pemandu teksi dan kini tidak bekerja kerana menjaga anak dan isteri beliau yang sakit. Isteri beliau mengidap penyakit angin ahmar (*stroke*) dan tidak mampu bergerak (lumpuh),

manakala anaknya menghidap penyakit misteri yang tidak dapat dikenalpasti oleh pihak hospital.

Mereka menampung hidup dengan wang bantuan RM300.00 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan wang ihsan bantuan penduduk.

Ketika ziarah, YB Datuk Abdul Rahman menyampaikan bantuan di bawah Program *Food-Basket* untuk membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh Encik Liaw.

KPKT SERTAI HARI NBOS 2015

Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah menganjurkan Hari Terbuka Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) atau Hari Terbuka NBOS 2015 pada 23 dan 24 Mei 2015 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri. Buku Laporan NBOS, Portal NBOS 2.0 serta Buku Bergambar NBOS (*NBOS coffee table book*) juga turut dilancarkan pada hari berkenaan.

Tujuan hari terbuka ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk



mendapatkan maklumat lebih meluas serta berkongsi informasi mengenai pelbagai inisiatif di bawah NBOS yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2009.

KPKT turut menyertai pameran Hari Terbuka NBOS 2015 dan mengetengahkan inisiatif NBOS di bawah KPKT seperti yang berikut:



- Kejiranan Indah (MyBN);
- Malaysiaku Indah (MyBM); dan
- 1Malaysia Youth City.

KPKT juga menyediakan pelbagai aktiviti menarik antaranya demonstrasi oleh anggota Bomba, NBOS *wheel of fortune*, *urban wish*, lakaran wajah dan bomba cilik.

MY BEAUTIFUL MALAYSIA TANGANI ISU PERUMAHAN KOS RENDAH DAN FASILITI AWAM

My Beautiful Malaysia (MyBM) merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang mula diperkenalkan pada 21 Mei 2014 dan diletakkan di bawah tanggungjawab KPKT. Tujuan utama inisiatif ini diperkenalkan adalah untuk menangani isu-isu berkaitan fasiliti awam terutamanya tandas awam, perumahan Kerajaan serta rumah pangsa kos rendah yang berada dalam keadaan daif, usang dan kotor kerana tidak diselenggara dengan baik. MyBM merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu:

i. Penyelenggaraan Rumah Kos Rendah dan Sederhana Rendah

KPKT memperkenalkan dua (2) program utama iaitu Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) bagi Rumah Kos Rendah Awam dan Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi rumah kos rendah swasta.

Kaedah pembiayaan yang diguna pakai bagi program PPP dan TP1M adalah berasaskan geran sepadan. Geran sepadan diperkenalkan bagi memupuk *sense of belonging* penghuni terhadap kawasan kediaman yang dihuni dan meningkatkan komitmen pihak pengurusan terhadap tanggungjawab untuk menyelenggara kawasan pemajuan.

Kerajaan membiayai 90 peratus daripada keseluruhan kos pembaikan rumah pangsa kos rendah awam dan 10 peratus lagi ditanggung oleh pihak pengurusan. Manakala melalui program TP1M, Kerajaan menyumbang sebanyak 90 peratus daripada keseluruhan kos penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah swasta dan 10 peratus lagi ditanggung oleh pihak pengurusan. Bagi rumah pangsa kos sederhana rendah, Kerajaan menyumbang 70 peratus daripada keseluruhan kos baik pulih dan 30 peratus lagi ditanggung oleh pihak pengurusan.

Sebanyak 59 kawasan pemajuan rumah pangsa kos rendah telah dibaik pulih dan disenggara bagi membaiki kerosakan yang melibatkan 75,135 penghuni rumah pangsa kos rendah di seluruh negara dengan kos sebanyak RM25.8 juta.



ii. Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan

KPKT berperanan untuk menyelaras dengan semua agensi Kerajaan yang memiliki kuarters dan mengenal pasti kuarters yang memerlukan pembaikan serta menyalurkan peruntukan kepada agensi berkenaan. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM105 juta semasa pembentangan Bajet 2015 khusus untuk program penyelenggaraan kuarters Kerajaan. Sehubungan itu, sebanyak 110 lokasi kuarters di bawah 14 agensi Kerajaan di seluruh negara akan dibaik pulih pada tahun ini menggunakan peruntukan tersebut. Senarai kuarters Kerajaan yang terlibat adalah seperti yang berikut:

Bil.	Kementerian/Agensi	Bilangan Kuarters
1.	Kementerian Pendidikan Malaysia	6
2.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	2
3.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2
4.	Kementerian Pertahanan Malaysia	7
5.	Kementerian Wilayah Persekutuan	1
6.	Kementerian Belia dan Sukan	21
7.	Jabatan Imigresen Malaysia	15
8.	Polis Diraja Malaysia	5
9.	Jabatan Penjara Malaysia	17
10.	Jabatan Pendaftaran Negara	18
11.	Agensi Anti Dadah Kebangsaan	10
12.	Jabatan Pertahanan Awam	3
13.	Jabatan Sukarelawan Malaysia	1
14.	Institut Tadbiran Awam Negara	2
Jumlah		110

iii. Baik Pulih dan Naik Taraf Tandas Awam di bawah Pihak Berkuasa Tempatan

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana kesemua 418 projek naik taraf dan pembaikan tandas di 65 PBT dapat disiapkan dalam tempoh tiga (3) bulan dengan kos RM25.6 juta. Ringkasan pecahan tandas awam di bawah PBT mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

Negeri	Bilangan PBT	Bilangan Tandas Awam
Kedah	2	12
Perak	10	63
N. Sembilan	3	46
Melaka	4	63
Johor	7	53
Pahang	6	34
Kelantan	8	20
Terengganu	7	53
Sabah	5	21
Sarawak	12	41
P.Pinang	1	4
Jumlah	65	418

Kerajaan sedar bahawa tandas-tandas yang telah dibaik pulih dan dinaik taraf perlu diselenggara secara berkala oleh PBT bagi mengelak ianya kembali kotor, terbiar dan tidak terpelihara. Prihatin dengan PBT yang tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk membuat penyelenggaraan berkala, KPKT akan mengambil alih pembersihan tandas awam daripada PBT di seluruh negara mulai tahun 2016.



KPPT PERGIAT PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL TINGKAT KESEJAHTERAAN RAKYAT

Program Transformasi Sosial (PTS) merupakan inisiatif baharu di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7: Program *My Beautiful Neighbourhood (MyBN)* bagi menangani masalah yang dihadapi oleh penduduk perumahan awam terutamanya kemudahan infrastruktur dan persekitaran yang tidak terurus, suram dan kotor. Keadaan ini telah menjejaskan kualiti hidup rakyat dan meningkatkan rasa tidak puas hati kepada Kerajaan dan PBT.

Objektif PTS adalah untuk:

- Mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan;
- Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat meliputi aspek kebersihan dan keselamatan;
- Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik dari segi fizikal, mental dan sosial; dan
- Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti kesukarelawanan

PTS ini direalisasikan oleh KPPT dengan mengenal pasti lima (5) komponen utama yang boleh dilaksanakan di semua lokasi NBOS: MyBN dengan kolaborasi antara jabatan di bawah KPPT dan agensi lain antaranya Jabatan Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1M4U.

Komponen PTS	Perincian Komponen dan Tujuan
Program Bandar Selamat	• Mengurangkan jenayah melalui aktiviti <i>omnipresence</i> dan rondaan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pentahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Rukun Tetangga (RT); dan • Anggota Polis Wanita (AMANITA) menarik suri rumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.
Program Bomba Komuniti	• Memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
Program Rakan Taman	• Memupuk semangat kesukarelawan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf; • Mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihan taman; dan bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaan taman.
Komuniti Kitar Semula (<i>reduce, reuse and recycle</i>)	• Meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22 peratus menjelang tahun 2020; dan • Memupuk amalan kitar semula dan menambah sumber pendapatan isi rumah.
Program Kesihatan Persekitaran	• Memperkenalkan dan melaksanakan program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (<i>Communication for Behavioural Impact, COMBI</i>) yang bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi.



Majlis Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS): Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood, MyBN*) dan Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Rumah Pangsa LPPB, Batu 3½, Sandakan telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Zakaria Bin Haji Mohd Edris, Pembantu Menteri Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah pada 9 Mei 2015.

KPPT telah memperuntukkan RM2,139,931.10 juta untuk baik pulih perumahan yang melibatkan 960 unit kediaman di 21 blok (3 tingkat) yang menempatkan 4,800 orang penduduk.

Rumah pangsa yang dibina 22 tahun lalu oleh Lembaga Pembangunan, Perumahan dan Bandar Negeri Sabah ini dicat semula; jalan-jalan berlubang diturap semula; sebahagian lampu-lampu jalan yang rosak telah dibaiki/ditukar; penyusunan semula petak-petak tempat letak kereta agar lebih selesa dan selamat untuk digunakan; pembinaan taman permainan kanak-kanak dilengkapi dengan alat senaman interaktif, padang bola serta landskap yang indah di kawasan lapang yang dulunya terbiar.

Bagi mewujudkan '*sense of belonging*' untuk mengekalkan keceriaan persekitaran dan memastikan penyelenggaraan perumahan ini secara berterusan, KPPT menggalakkan penglibatan dalam kalangan penduduk bersama Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar dan PBT menerusi lima (5) komponen utama PTS iaitu :

- Program Bandar Selamat;
- Program Bomba Komuniti;
- Program Rakan Taman;
- Komuniti Kitar Semula (*reduce, reuse and recycle*); dan
- Program COMBI.





PTS RUMAH PANGSA, BANDAR BARU TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

Program Transformasi Sosial (PTS) KPKT di Rumah Pangsa, Bandar Baru Teluk Kumbar, Pulau Pinang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau pada 14 Mac 2015.

Pelancaran PTS ini memperlihatkan penglibatan agensi Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang meningkatkan mutu kehidupan dan kesejahteraan hidup masyarakat setempat. KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang menganjurkan program yang melibatkan kerjasama antara jabatan/agensi di bawah KPKT serta beberapa agensi Kerajaan yang lain antaranya ialah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Pada peringkat permulaan, PTS Rumah Pangsa, Bandar Baru Teluk Kumbar ini akan melaksanakan komponen PTS seperti yang berikut:

- Program Bomba Komuniti;
- Program Kesihatan Persekitaran; dan
- Program Bandar Selamat.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Tam Weng Wah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT; pegawai-pegawai kanan KPKT, JBPM, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semanjung Malaysia (JPBD); Pegawai Kemajuan Negeri Pulau Pinang; pemimpin-pemimpin tempatan; dan penduduk setempat.



YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS): Kejiranan Indah (MyBN) di Rumah Pangsa Larkin, Johor pada 22 Mei 2015.

Rumah Pangsa Larkin ini telah dibaik pulih di bawah inisiatif NBOS dengan kos sebanyak RM2,666,597.70 telah bertukar wajah dan menjadi sebuah kejiranan indah yang ceria dan lengkap dengan koridor bangunan yang telah dicat semula, penyediaan tempat letak motosikal berkunci, menaik taraf jalan dan perparitan, taman permainan baru serta persekitaran landskap baru yang indah.

Sebagai kesinambungan daripada inisiatif NBOS: MyBN yang dilaksanakan di rumah pangsa ini, PTS juga dilancarkan bertujuan mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (*sense of belonging*) para penghuni terhadap kawasan setempat yang melibatkan kelima-lima komponen PTS seperti yang berikut:

- Program Bandar Selamat;
- Program Bomba Komuniti;
- Program Rakan Taman;
- Komuniti Kitar Semula (*reduce, reuse dan recycle*); dan
- Program Kesihatan Persekitaran.

Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran YB Datuk Haji Abdul Latif Haji Bandi, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor; YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dato' Halimi Bin Abdul Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT; YB Dato' Haji Ismail bin Karim: Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, YB Dato' Haji Abd Rahman Bin Mohamed Dewam, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, pegawai kanan KPKT dan Kerajaan Negeri Johor; serta penduduk setempat.

16 Februari 2015

Lawatan kerja YB Timbalan Menteri ke lokasi-lokasi projek NBOS Kota Belud, Sabah



KEPUTUSAN KERAJAAN BERKAITAN PENGIMPORAN SISA BINAAN DAN SISA PLASTIK

Pada 27 Februari 2015, KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) selaku agensi yang bertanggungjawab mengenai pengurusan sisa pepejal telah memaklumkan bahawa, buat masa ini Jabatan tidak akan mengeluarkan sebarang kebenaran bagi pengimportan sisa binaan kepada mana-mana syarikat berkuatkuasa serta merta.

Keputusan ini dibuat selaras dengan komitmen sepertimana yang ditetapkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan untuk menjaga kelestarian serta menjamin alam sekitar yang bersih dan sihat. Justifikasi keputusan untuk tidak membenarkan pengimportan sisa binaan ini seperti yang berikut:

- i. pada masa ini didapati pengimportan sisa pembinaan tidak memberi nilai tambah kepada ekonomi Negara selain daripada berisiko untuk dilupuskan sebagai sisa pelupusan haram. Kebelakangan ini terdapat banyak aduan berkaitan pelupusan sisa pepejal haram dan siasatan yang dijalankan mendapati antaranya adalah longgokan sisa pembinaan yang turut bercampur dengan pelbagai sisa-sisa lain seperti sisa isi rumah, najis haiwan, *e-waste* dan kemungkinan besar turut mengandungi sisa toksid dan berbahaya (*toxic and hazardous*). Kos yang tinggi diperlukan untuk kerja-kerja pembersihan dan pemulihan sekiranya tanah-tanah telah tercemar dengan sisa berbahaya ataupun mikrob;
- ii. bagi menggalakkan industri kitar semula sisa pembinaan domestik. Penggunaan bahan-bahan sisa pembinaan tempatan boleh membantu meningkatkan industri kitar semula dalam Negara.

Selain itu, mulai 2 Februari 2015, JPSPN telah dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan Kelulusan Permit (AP) bagi pengimportan sisa plastik. Bagi tujuan tersebut, JPSPN akan memastikan hanya sisa plastik bersih sahaja yang dibenarkan diimport. Selain itu, kilang yang memproses sisa plastik tersebut diwajibkan mendapat kelulusan bertulis mengenai pematuan syarat-syarat operasi/efluen daripada Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum permohonan AP dipertimbangkan. Jabatan akan menyenarai hitamkan syarikat pengimport sekiranya didapati mengimport sisa plastik yang kotor ke Negara ini.

Sehubungan dengan keputusan Kerajaan berkaitan pengimportan sisa pepejal ini, semua syarikat diminta untuk mengambil maklum akan pengumuman ini. Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus mengkaji prosedur-prosedur berkaitan pengimportan sisa pepejal bagi mengelakkan Negara dijadikan sebagai tempat pembuangan pelbagai sisa pepejal dari luar negara.



KERAJAAN BAKAL LAKSANA KAJIAN KE ATAS PENGOPERASIAN MINI INSINERATOR DI PULAU-PULAU DAN TANAH TINGGI

YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan lawatan turun padang ke Loji Insinerator Pulau Pangkor pada 15 Mac 2015 untuk mendapatkan gambaran sebenar pengoperasian loji tersebut. Turut mengiringi beliau dalam lawatan ini YB Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak; YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT, dan YBhg. Dato' Zamri Bin Man, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung.

Syarikat XCN Technology (XCNT) telah dilantik sebagai operator insinerator Pulau Pangkor bagi tempoh April 2014 hingga April 2017. Bagi memastikan pengoperasian loji berjalan lancar dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan pihak operator loji diminta menyediakan laporan penuh pengoperasian setiap bulan kepada JPSPN. Manakala, JPSPN juga bersama-sama dengan SWCorp Malaysia akan sentiasa membuat pemantauan berkala supaya operator loji mematuhi piawaian pengoperasian yang telah ditetapkan.

Ketika lawatan turun padang ini, YB Menteri memaklumkan bahawa KPKT melalui JPSPN sedang dalam proses untuk melaksanakan kajian ke atas pengoperasian mini insinerator di pulau-pulau dan tanah tinggi milik Kementerian.

Langkah ini diambil supaya Kerajaan dapat melaksanakan kaedah yang sesuai bagi mengatasi masalah berkaitan pengoperasian loji-loji insinerator yang sering terganggu sejak kebelakangan ini. Kerajaan khuatir sekiranya pengoperasian loji terganggu, ini akan mengakibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) terpaksa mencari alternatif lain untuk

melupuskan sisa pepejal harian di kawasan terlibat dengan menghantarnya ke tapak pelupusan sedia ada yang telah mencapai jangka hayatnya dan tercemar sepertimana yang berlaku di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Cameron Highlands.

Kajian ini juga diperlukan bagi mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil dengan kadar segera antaranya keperluan penggantian peralatan dalaman loji. Kementerian khuatir sekiranya peralatan tidak diganti dengan segera, ini akan menyebabkan loji-loji ini beroperasi bukan pada tahap keupayaan sebenar dan mengakibatkan peningkatan kos pengoperasian kepada pihak Kerajaan di kemudian hari.

Kementerian juga berharap hasil kajian ini kelak dapat membantu Kerajaan berkaitan pengurusan dan pengoperasian insinerator terutamanya dalam membuat penilaian bagi sistem dan proses insinerator. Selain itu, isu-isu pencemaran alam sekitar yang sering dibangkitkan di media dapat ditangani dengan berkesan sekaligus mengurangkan keresahan orang ramai terutamanya penduduk berhampiran.

Loji insinerator Pulau Pangkor ini telah beroperasi lebih kurang tiga (3) tahun bermula pada tahun 2012 dan direkabentuk mengguna pakai sistem *Rotary Kiln* untuk pembakaran sisa pepejal sebanyak 20 tan sehari. Loji ini terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama seperti berikut:

- i. *Waste Separation*;
- ii. *Incineration Process (Combustion & Air Pollution Control)*; dan
- iii. *Waste Water Treatment*.



PPSPPA KINI DIKENALI SEBAGAI SWCORP MALAYSIA

YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Penjenamaan Semula Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (PPSPPA) kepada *Solid Waste Corporation* (SWCorp Malaysia) di Hotel Everly, Putrajaya pada 27 Januari 2015.

Setelah enam (6) tahun mengorak langkah sebagai organisasi yang berjaya menguruskan sisa pepejal dan pemacu kebersihan Negara, PPSPPA mengorak langkah berani dengan melakar sejarah untuk melakukan penjenamaan semula (*rebranding*) susulan kejayaan agensi tersebut menonjolkan penampilan kepada masyarakat. Penjenamaan semula ini dibuat bagi memudahkan hasrat untuk menjadikan organisasi ini dekat dihati masyarakat, mudah disebut dan sebagai langkah proaktif untuk memperkenalkan SWCorp Malaysia di arena antarabangsa.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri juga melancarkan *3R Marathon and Carnival* yang bakal diadakan pada 18 dan 19 April 2015 yang dijangka akan disertai oleh peserta-peserta dari dalam dan luar negara. Selain itu, YB Menteri juga menyempurnakan pelepasan *Road Tour* Mata Hati sebagai simbolik kepada Siri Jelajah untuk mendidik dan melahirkan masyarakat yang menghargai dan memelihara alam sekitar



PELAN TRANSFORMASI MINDA KE ARAH NEGARA BERSIH, INDAH DAN SEJAHTERA

YAB Tan Sri Dato' Muhyiddin Bin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera pada 24 Februari 2015, di Hotel Everly, Putrajaya. KPKT melalui SWCorp Malaysia telah mengambil satu inisiatif yang proaktif dengan melancarkan Pelan Transformasi Minda (PTM) untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dengan persekitaran yang bersih, indah dan sejahtera.

PTM ini merupakan satu usaha untuk mencapai hasrat negara bersih, indah dan sejahtera menjelang tahun 2020 seterusnya dapat menyediakan kesejahteraan kepada masyarakat. Ini dapat dilihat menerusi usaha penyediaan pelan yang komprehensif dan holistik yang dirancang khusus untuk membentuk minda, sikap dan tabiat serta budaya masyarakat kelas pertama supaya lebih bertanggungjawab, memiliki nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi khususnya dalam isu persekitaran dan kebersihan.

Jelasnya, walaupun pelan ini telah disediakan, namun pendidikan awal dari peringkat kanak-kanak bermula daripada peringkat keluarga, alam persekolahan, Institut Pengajian Tinggi dan seterusnya di peringkat komuniti. Justeru itu, program pendidikan dalam konteks kebersihan persekitaran haruslah dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab secara bersepadu oleh semua pihak. Beliau juga menggesa supaya pendidikan yang membudayakan kebersihan harus diutamakan dalam pembelajaran.

Selain itu, masyarakat juga diseru untuk melihat sesuatu tindakan dengan menggunakan pendekatan Mata Hati seperti yang terkandung dalam pelaksanaan PTM. Menerusi pendekatan Mata Hati ini, mampu melahirkan masyarakat yang menghargai dan memelihara alam sekitar sebagai anugerah serta amanah Pencipta demi kelangsungan kehidupan dan kelestarian alam sekitar.

Menerusi pelaksanaan PTM ini, rakyat Malaysia diharapkan dapat mencontohi negara maju sebagai negara yang berdisiplin tinggi dan mempunyai nilai murni dalam menjaga kebersihan dan alam sekitar. Di samping itu, pengiktirafan itu dapat dicapai menerusi komitmen dan penglibatan menyeluruh warganegara yang mengamalkan budaya amalan 3R dalam kehidupan. Menerusi amalan ini, dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber asli sekaligus dapat menjadikan sisa sebagai sumber yang dapat dimanfaatkan dalam kehidupan.

Hadir sama dalam majlis ini adalah YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Ab Rahim Bin Md Noor, Ketua Pengawai Eksekutif SWCorp; dan YBhg Dato' Halimi Bin Abd Manaf, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPICT.



Enam (6) objektif strategik yang telah digariskan dalam PTM

- melahirkan masyarakat yang melihat secara Mata Hati dan menghargai keperluan memelihara alam sekitar;
- masyarakat yang menghargai dan mengutamakan kebersihan dan keindahan persekitaran;
- melahirkan masyarakat yang memahami dan menjadikan pengurusan sisa pepejal dan kebersihan persekitaran sebagai tanggungjawab bersama;
- melahirkan masyarakat yang membudayakan amalan kebersihan berteraskan kepada nilai-nilai murni dan keagamaan dalam kehidupan seharian;
- mendidik masyarakat yang berdisiplin dan mematuhi peraturan berkaitan dengan kebersihan dan alam sekitar; dan
- mendidik masyarakat yang menghargai sisa sebagai sumber ekonomi, tenaga dan nilai artistik.

JELAJAH MATA HATI BERSAMA ABPBH 2014 SASAR LAHIRKAN MASYARAKAT YANG CINTAKAN KEBERSIHAN

Program Jelajah Mata Hati bersama Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH) 2014 merupakan salah satu inisiatif SWCorp Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang cintakan kebersihan. "Cinta" yang diangkat sebagai tema ABPBH 2014 menarik penyertaan tiga (3) syarikat konsesi sisa pepejal untuk menyampaikan mesej kesedaran. Mengisi tema terbaharu, rasa cinta akan diterjemahkan melalui empat (4) elemen penting iaitu tanggungjawab, hormat, prihatin dan ilmu dalam setiap aktiviti termasuk siri jelajah di lokasi-lokasi terpilih.

SWCorp Malaysia bersama SWM Environment Sdn Bhd, Alam Flora Sdn. Bhd. dan Environment Idaman Sdn. Bhd. merupakan penaja emas bagi ABPBH 2014. Langkah ini adalah bertepatan dengan matlamat SWCorp Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang menghargai dan memelihara kebersihan persekitaran dan alam sekitar sebagai anugerah dan amanah Maha Pencipta demi kelangsungan kehidupan dan kelestarian alam sekitar.

Berikut merupakan siri Program Jelajah Mata Hati sempena ABPBH 2014 yang telah dilaksanakan.



Bil.	Tarikh	Lokasi	Perkara
1.	6, 7 & 8 Mac 2015	Sungai Petani, Kedah	Demonstrasi pengasingan sisa pepejal di rumah (pengkomposan) <i>Fun Run 2015</i> <i>Program Litter Picking & Anti Litter</i> Taklimat Aspirasi Bandar Bersih
2.	13, 14 & 15 Mac 2015	Pasir Gudang & Muar, Johor	Taklimat Aspirasi Bandar Bersih Senamrobik Gimik Roro Berinformasi <i>Fun Run 2015</i> <i>Explore Race 3R</i> bersama Komuniti <i>Program Litter Picking & Anti Litter</i> Sesi Townhall YB Timbalan Menteri, KPKT Taklimat Aspirasi Bandar Bersih
3.	20 & 21 Mac	Pantai Teluk Chempedak Kuantan, Pahang	Demonstrasi kraftangan dari barangan kitar semula dan barangan terbuang <i>Fun Run 2015</i> <i>Kempen Value Food No Waste</i> di premis makanan dan sesi ramah mesra dan pengedaran tag <i>Value Food No Waste</i> kepada pemilik premis Mewarna Lukisan Plywood bertemakan 'Saya Cintakan Kebersihan' Gotong-royong bersama Ahli Persatuan Mata Hati Malaysia

Penglibatan artis menerusi program *Road Tour* melalui landasan ABPBH ini dilihat mampu menarik lebih ramai peminat untuk turut serta menjayakan aktiviti kitar semula disamping mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan sisa, kebersihan dan alam sekitar.



KPKT RAI 167 PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014

MAJLIS PENYAMPAIAN
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
2014



KPKT telah menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014 pada 25 Mei 2015 di Hotel Marriott, Putrajaya untuk memberi pengiktirafan dan meraikan seramai 167 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan diiringi oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT.

Penganugerahan dan keraian ini adalah salah satu tanda pengiktirafan Kerajaan kepada anggota perkhidmatan awam KPKT yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2014. Diharap dengan anugerah dan pengiktirafan ini, penjawat KPKT akan berasa dihargai, disayangi dan seterusnya dapat menjadi penyuntik semangat untuk bekerja dengan lebih gigih, lebih fokus dan lebih komited kepada tugas yang diamanahkan.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1436H/2015M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1436H/2015M telah diadakan dengan jayanya pada 12 Rabi'ulawwal 1436H bersamaan 3 Januari 2015, bertempat di Masjid Putra, Putrajaya. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan isteri,

YABhg. Puan Sri Datin Paduka Noorainee Binti Haji Abdul Rahman telah menghadiri majlis berkenaan sekaligus merasmikannya.

Bertemakan "Perpaduan Nadi Transformasi Negara", majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan isteri, YBhg. Datin Seri Fatmawati Binti Haji Saidin dan tetamu-tetamu kenamaan yang lain.

Majlis tersebut turut disertai lebih 12,300 peserta meliputi Badan Kerajaan, Badan Berkanun, Badan Beruniform, Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sekolah dan orang ramai. Seramai 139 kontinjen termasuk KPKT telah mengambil bahagian dalam perarakan Maulidur Rasul bermula dari hadapan bangunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Putrajaya ke Masjid Putra, Putrajaya sambil mengalunkan selawat kepada Baginda Nabi Muhammad SAW.



SELAMAT BERSARA YBHG. DATUK YONG

Salam perpisahan dan selamat bersara diucapkan kepada YBhg. Datuk Yong Bun Fou, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) yang telah bersara secara wajib pada 3 Mac 2015. Terima kasih atas sumbangan idea, tenaga dan komitmen sepanjang berkhidmat selama dua (2) tahun 10 bulan di Kementerian ini sejak 8 Mei 2012.

Kami mewakili seluruh warga KPKT ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas segala budi, pengorbanan dan jasa yang telah YBhg. Datuk Yong sumbangkan kepada Kerajaan amnya dan KPKT khususnya.



SALAM PERPISAHAN YBHG. DATO' AZIZAN

Salam perpisahan kepada YBhg. Dato Azizan Bin Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT yang telah bertukar ke Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) berkuatkuasa mulai 16 Februari 2015.

Sidang Redaksi Buletin KPKT mewakili warga KPKT mengucapkan ribuan terima kasih di atas khidmat beliau bagi tempoh selama enam (6) bulan beliau di KPKT bermula pada 11 Ogos 2014. Diharapkan agar YBhg. Dato' Azizan akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang di Kementerian baharu.

BENGKEL PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KE-11

Program Rancangan Malaysia Ke-10 akan berakhir pada tahun 2015. Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia berkenaan, Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menjalankan beberapa program penting seperti yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri iaitu:

- Program Pembangunan Taman Awam;
- Program pembangunan Landskap;
- Program Pengurusan Landskap; dan
- Program Penyelidikan dan Pemuliharaan Landskap.

Dalam tempoh tersebut pelbagai projek fizikal dan bukan fizikal telah dilaksanakan bagi mencapai Wawasan Negara Taman Terindah 2020 seperti yang telah direncanakan dalam Dasar Landskap Negara. Memandangkan program-program tersebut telah berakhir pada tahun 2015 iaitu tahun terakhir RMK10, maka satu rangka kerja baru perlu dijalankan bagi merencanakan semula program bagi tempoh lima (5) tahun akan datang menjelang tahun 2020 yang mana Malaysia sepatutnya diwar-warkan sebagai Negara Taman Terindah.



Bagi tujuan yang tersebut, satu bengkel telah dijalankan di KPPT dari 16 hingga 18 Februari 2015 yang disertai oleh pegawai-pegawai JLN. Berikut merupakan taklimat berkaitan RMK11 telah diadakan.

Bil.	Tajuk Taklimat	Penyampai
1.	Maklum balas <i>Technical Working Group</i> KPPT	Encik Suhaili Bin Yusoff, Pegarah Bahagian Penilaian dan Penyelarasan, JLN
2.	Sorotan RMK8 hingga RMK10	Encik Mohd Saifuddin Bin Ali Penolong Pegarah Kanan, Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN
3.	Pelan Tindakan Dasar Landskap Negara	Encik Meor Saadon Sofian Bin Mior Razali Pegarah Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN
4.	Pekeliling Penyediaan RMK11	Tuan Haji Mohd Taib Bin Haji Zin Timbalan Ketua Pegarah Dasar, JLN

KURSUS @ I-KPPT

Daripada bulan Januari sehingga 31 Mac 2015, sebanyak 40 program latihan telah dianjurkan di I-KPPT yang melibatkan 2,787 orang peserta kursus. Kursus-kursus tersebut adalah seperti yang berikut:

- 14 kursus dalaman melibatkan 558 orang peserta kursus anjuran lima (5) pusat pengajian (PP) iaitu PP Kerajaan Tempatan, PP Pengurusan Sisa Pepejal, PP Pengurusan Landskap, PP Perancangan Bandar dan Urbanisasi, dan PP Pengurusan Perumahan;
- Enam (6) kursus melibatkan 1,859 orang peserta kursus anjuran jabatan/bahagian/unit di bawah KPPT; dan
- 10 kursus melibatkan 370 orang peserta kursus agensi luar.



PERHEBAT KURSUS ICT UNTUK MANTAPKAN SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA PELANGGAN

Sepanjangsuku tahun pertama 2015, Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) mengambil inisiatif menganjurkan pelbagai kursus ICT bagi tujuan peningkatan pengetahuan dan kemahiran para pegawai Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat (Skim F) di KPPT untuk diaplikasikan dalam kerja harian dan seterusnya memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Antara kursus yang tersebut ialah:

Bil.	Nama Kursus	Tarikh	Tujuan/Perincian Kursus
1.	Kursus <i>Hybrid Mobile App</i> (iOS & Android)	9-12 Feb 2015	Kursus ini memberi faedah yang sangat besar kepada peningkatan kompetensi para pembangunan aplikasi <i>mobile web</i> dan <i>mobile application</i> .
2.	Kursus <i>Certified Tester Foundation Level</i> (CTFL)	2-6 Mac 2015	Program ini menawarkan sijil profesional dalam bidang <i>Software Testing</i> dan <i>Software Engineering</i> yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan dalam kemahiran asas dalam bidang <i>Software Testing</i> dan <i>Software Engineering</i> sejajar dengan <i>New Economic Model (NEM) Strategic Reform Initiatives (SRIs)</i> yang dilaksanakan oleh Kerajaan.
3.	Kursus Pengenalan <i>Gitub : Social Coding</i>	11-13 Mac 2015	Kursus ini memberikan pendedahan kepada para peserta khususnya pengaturcara untuk berinteraksi secara sosial dalam menguruskan perubahan versi sesuatu projek aplikasi.
4.	Kursus <i>Requirement Engineering & Software Modelling</i>	8-10 Apr 2015	Kursus ini memberi kemahiran kepada para peserta berkaitan dokumentasi pembangunan aplikasi dengan lebih teratur.

PERSIDANGAN DAN PAMERAN IFCEM SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI BOMBA SEDUNIA 2015



Sambutan Hari Bomba Sedunia (SHBS) 2015 peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 5 Mei 2015 di Dataran Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sambutan Hari Bomba Sedunia pada kali ini mempunyai sedikit kelainan berbanding sambutan tahun lalu yang mana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menganjurkan Persidangan dan Pameran Kebakaran Antarabangsa Malaysia 2015 (IFCEM) yang berlangsung di Dewan Merdeka PWTC.

Persidangan IFCEM yang berlangsung dari 5 hingga 7 Mei 2015 telah disertai oleh 1,200 peserta dari 22 buah negara seluruh dunia. Persidangan ini turut menjemput pembentang dari luar negara yang terdiri daripada anggota bomba sendiri dan golongan profesional seperti Ketua Bomba Bandar London, Naib Presiden Pasukan Bomba Amerika Syarikat.

Dari 5 hingga 7 Mei itu juga turut diadakan Pameran IFCEM yang mempamerkan alatan dan teknologi industri kebompaan dan keselamatan kebakaran. Pameran ini telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 70 pempamer dari dalam dan luar negara.

Memandangkan negara kita merupakan Pengerusi ASEAN 2015, Mesyuarat Ketua-Ketua Bomba Negara ASEAN kali pertama turut diadakan bersempena SHBS kali ini. Mesyuarat ini menjadi platform negara-negara ASEAN bertukar pandangan berkenaan aspek kebompaan di negara masing-masing; membincangkan isu-isu bersama seperti masalah jerebu; dan kerjasama memadam kebakaran di negara sempadan; serta memperkukuhkan hubungan baik sesama negara.

Turut hadir semasa majlis ini ialah YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT; YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor Bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM; dan pegawai-pegawai kanan KPKT dan JBPM.



JBPM DAN NADI METERAI KONTRAK PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN & BEKALAN ALAT GANTI HELIKOPTER

Satu perjanjian kerjasama di antara JBPM dengan pihak *National Aerospace and Defence Industries Bhd* (NADI) telah dimeterai di *Mahsuri International Exhibition Centre* (MIEC) Langkawi, Kedah Darul Aman pada 17 Mac 2015.

Perjanjian dua pihak berkaitan kontrak perkhidmatan penyenggaraan dan bekalan alat ganti bagi tujuh (7) unit helikopter JBPM telah ditandatangani di pihak Kerajaan oleh YBhg. Dato' Seri Arpah Binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha KPKT dengan Dato' Ir Ibrahim Bin Bahari selaku CEO AIROD mewakili NADI.

Turut hadir menyaksikan perjanjian ialah YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd Nor Bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM; serta pegawai-pegawai kanan JBPM dan pengurusan NADI

JBPM & UNIVERSITI MALAYA KONGSI KEPAKARAN DALAM KAJIAN KEBOMBAAN

Pada 19 Januari 2015, bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya telah diadakan Majlis menandatangani MoU di antara JBPM dengan Universiti Malaya yang ditandatangani oleh YAS Datuk Wira Haji Wan Mohd. Nor Bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah JBPM dan Prof Dr. Mohd Amin Bin Jalaludin, Naib Canselor Universiti Malaya dan disaksikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Objektif perjanjian ini adalah bertujuan untuk mewujudkan jalinan kerjasama JBPM dengan Universiti Malaya dari segi perkongsian kepakaran dalam kajian kebommbaan di Malaysia. Kajian kebommbaan ini melibatkan kajian dari segi kejuruteraan kebommbaan dan kejuruteraan keselamatan kebakaran. Melalui program yang akan diadakan ini, pegawai-pegawai JBPM dan warga Universiti Malaya akan dapat saling bertukar ilmu pengetahuan bagi mengkaji dan membuat penyelidikan tentang aspek-aspek kejuruteraan kebommbaan dan kejuruteraan keselamatan kebakaran dengan lebih mendalam. Di harapkan melalui perkongsian kepakaran ini, dapat membantu meningkatkan lagi kualiti bidang kebommbaan yang sedia ada seiring dengan arus kemodenan.

Turut hadir ke majlis ini ialah YAS Dato' Soiman Bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah Operasi, YS Penolong-penolong Ketua Pengarah Bahagian, YS Pengarah-pengarah Bomba Negeri dan pegawai-pegawai kanan JBPM dan Universiti Malaya.

CADANGAN NAIKKAN KADAR ELAUN KEBAJIKAN BOMBA KE KABINET

Cadangan untuk menaikkan kadar elaun kebajikan kira-kira 26,000 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di seluruh negara akan dibawa ke Kabinet untuk diteliti, kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan pada Program Kempen Keselamatan Kebakaran di Pulau Mantanani.

Cadangan ini telah dibincangkan bersama JBPM memandangkan risiko dari segi psikologi traumatik, kecederaan sepanjang hayat dan ancaman maut yang dihadapi mereka ketika bertugas. Kertas kerja berkenaan cadangan ini akan dibentangkan pada tahun ini dan diharapkan kadar elaun kebajikan itu dapat dinaikkan dan disegerakan pelaksanaannya dalam tempoh tiga (3) tahun.



KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN DI PULAU MANTANANI



Kempen Keselamatan Kebakaran Peringkat JBPM Negeri Sabah pada kali ini telah diadakan di Pulau Mantanani, Sabah pada 28 Februari 2015 dan dirasmikan oleh YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.

Kempen Kesedaran Keselamatan Kebakaran ini adalah usaha berterusan kerana program ini diadakan bagi membolehkan penduduk luar bandar berpeluang untuk bertemu dengan pegawai jabatan tetapi pada masa yang sama mereka dapat mempelajari serta memahami kaedah penggunaan dan kepentingan alat pemadam api.

Sempena majlis ini juga, YB Menteri telah menyampaikan sebanyak 200 alat pemadam mudah alih untuk penduduk, klinik, masjid dan sekolah di pulau ini. Alat pemadam api mudah alih ini adalah sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh pengeluar alat pemadam api di negara ini dengan kerjasama MFPA dan JBPM Negeri Sabah serta syarikat pengeluar seperti AMI Ventures Sdn Bhd, Eversafe Extinguishers Sdn Bhd, Fire Fighters Industry Sdn Bhd, Steel Recon Marketing Sdn Bhd, dan Unique Fire Industry.

Dengan tema "Kebakaran Membunuh, Cegahlah!", JBPM Negeri Sabah telah memberikan penerangan yang khusus kepada pihak masyarakat di kawasan penduduk yang jauh daripada kemudahan balai bomba dan penyelamat. Usaha ini adalah untuk memberi kesedaran kepada penduduk selaras dengan statistik kematian yang tinggi melibatkan kebakaran rumah dan bangunan di luar bandar. Memiliki alat pemadam api mudah alih adalah keperluan asas untuk setiap rumah. Alat ini bukan sahaja mudah digunakan dan diselenggara, tetapi berkesan untuk kebakaran peringkat awal.

Turut hadir di majlis ini ialah YBhg. Datuk Musbah Bin Jamli, Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah; YS Dato' Rusmani Bin Muhamad, Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM; YS PKPJ Haji Nordin Bin Pauzi, Pengarah JBPM Negeri Sabah; En Abdul Gari Bin Itam, Pegawai Daerah Kota Belud; PPJB Nik Zulkifli Bin Ibrahim, Ketua Cawangan Program Keselamatan dan Kesedaran Awam JBPM; Encik Danny Cheah, Pengerusi Pertubuhan Perlindungan Kebakaran Malaysia (MFPA); dan En Steven Ooi, Naib Presiden MFPA, serta pegawai-pegawai kanan kerajaan serta penduduk Pulau Mantanani.



KENAPA KITA PERLU MENGASINGKAN SISA PEPEJAL DI RUMAH

- Mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula
- Mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan
- Mengurangkan peruntukan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal
- Merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) jika tidak mengasingkan sisa



Apa yang perlu diasingkan?

Sisa baki

sisa makanan
lampin pakai buang
dan lain-lain
(Dimasukkan dalam tong)

Bahan yang boleh dikitar semula

kertas	sisa berbahaya
plastik	sisa elektronik
kaca	sisa pukal
logam	sisa kebun/ taman

(Diletakkan di tepi tong)

Ke Arah Negara
Bersih, Indah dan
Sejahtera